

11 MAY 2003

Mahathir-Kemerdekaan

MAHATHIR: JANGAN LEKA, NEGARA DIANCAM BAHAYA BESAR PENJAJAHAN BARU

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menasihatkan rakyat Malaysia, khususnya bangsa Melayu, agar tidak leka ketika menikmati kejayaan dan kemakmuran negara sejak Merdeka sehingga terlupa bahawa mereka diancam penjajahan baru yang lebih berbahaya.

"Kita semua mesti sedar tentang bahaya yang kita hadapi sekarang yang tidak kurang besarnya dari yang dihadapi ketika kita menentang penjajah dahulu," kata Perdana Menteri.

Ketika berucap pada perhimpunan menyambut ulang tahun penubuhan Umno ke-57 di Stadium Merdeka di sini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata Malaysia hari ini diancam bahaya penjajahan bentuk baru oleh kuasa besar yang sanggup bertindak lebih ganas dan tidak adil.

"Mereka mahu menindas kita. Lihatlah apa yang berlaku kepada Afghanistan, Iraq dan ancaman terhadap Syria. Jangan fikir negara Islam di rantau Arab sahaja menghadapi tekanan sedemikian.

"Jika kita lemah, mereka (kuasa besar) akan cuba menjatuhkan Umno kerana parti ini menjadi benteng yang pertahankan kemerdekaan negara ini," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya mengimbas kembali pengorbanAN generasi dan pemimpin lama yang berjuang menentang penjajah untuk memberikan kemerdekaan kepada negara ini.

"Sementara kita boleh bersuka ria kerana negara sudah merdeka dan membangun dengan pesat, adalah baik jika kita toleh ke belakang untuk melihat asal usul kita...mengimbau kepada perjuangan Umno dan mereka yang meneroka dan mengasaskan parti ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu khususnya, perlu menilai prestasi diri dan sentiasa bersyukur dengan kemajuan yang mereka capai sehingga kini.

"Memang kita berjaya, tetapi bolehkah kita berkata bahawa kita sememangnya sudah berjaya kerana apabila kehidupan menjadi senang, manusia lazimnya menjadi lemah," katanya.

Beliau berkata rakyat Malaysia perlu sentiasa bersedia menghadapi cabaran dengan terus mencanai kebolehan dan kekuatan diri tanpa dikaburi dengan kemakmuran yang dinikmati setakat ini.

Dr Mahathir berkata keperitan yang dirasai semasa negara dijajah dahulu telah menyalakan semangat bangsa Melayu untuk bangkit membangunkan negara, sekaligus untuk membuktikan kepada British, orang Melayu mampu mentadbir negaranya sendiri.

Beliau mengimbaskan kembali tentang tekanan penjajah kononnya orang Melayu hanya pandai memancing ikan dan bertani tetapi tidak berilmu untuk diberi jawatan dalam pentadbiran kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, andaian penjajah itu meleset kerana bangsa Melayu terbukti berbakat, berkebolehan dan berkeupayaan untuk mentadbir sebuah negara yang merdeka sehingga Malaysia kini begitu pesat membangun, malahan jauh lebih maju daripada kerajaan penjajah itu sendiri.

"Kita boleh membangunkan negara sehingga jadi sebuah negara yang kadangkala disalah faham dan dianggap sebagai sebuah negara yang maju.

"Malaysia yang merdeka di bawah kerajaan yang diterajui Umno telah dapat membangunkannya jauh lebih maju dari kerajaan penjajah sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini sudah mencapai tahap kemajuan, sehingga negara maju terpaksa menghormati dan mengiktiraf kejayaannya.

"Ini semua berkat perpaduan dalam Umno dan pentadbiran yang cekap," katanya, sambil menjelaskan bahawa pengiktirafan negara-negara maju terbukti apabila Malaysia dijemput untuk menyertai persidangan Kumpulan Lapan (G8) negara maju pada hujung Mei atau awal Jun ini.

"Kita dipilih sebagai pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) untuk berunding dengan Kumpulan Lapan (G8) negara maju.

"Sebelum ini memang ada negara berkecuali tetapi mereka tidak terima untuk berunding. Ini satu pengiktirafan kepada NAM dan juga Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata itu antara kejayaan yang dicapai Malaysia di peringkat dunia selain pengiktirafan terhadap syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya Petronas dan individu-individu Melayu yang turut tersenarai antara "billionaire" dunia.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya mengikis sikap suka terlalu mengharap kepada bantuan orang lain, terutamanya kerajaan untuk berjaya.

Dr Mahathir berkata: "Sekarang kita berasa lega dan berpendapat tidak perlu berusaha lagi...beranggapan bahawa kerajaan akan membantu kita dan mengharap sumbangan semata-mata.

"Itu bukan caranya kerana ia akan melemahkan kita. Jika kita mencari jalan mudah, kita tidak akan tahu melawan arus, maka akhirnya kita akan menjadi bangsa yang lemah.

"Bangsa yang lemah akan tewas dan dijajah semula. Kita tahu bahawa pada 1945 (menentang Malayan Union) tetapi hari ini kita tidak sedar bahaya kita hadapi."

Beliau sekali lagi mengingatkan bangsa Melayu bahawa sesungguhnya perjuangan mereka belum selesai walaupun cadangan menubuhkan Malayan Union sudah dipatahkan, negara sudah dimerdekakan dan Malaysia sudah dibangunkan.

"Jika kita tidak berjaga-jaga, kita akan diserang lagi. Generasi muda dalam Umno harus ingat bahawa perjuangan dalam parti bukannya untuk diri sendiri tetapi untuk bangsa, agama dan negara. Inilah perjuangan Umno," katanya.

Bagi menjamin keutuhan parti dan kekuatan negara, Dr Mahathir meminta anggota Umno supaya merapatkan barisan dalam parti, Barisan Nasional dan di kalangan rakyat Malaysia

Perdana Menteri juga berkata rakyat perlu mencari ilmu dan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

"Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubah nasibnya. Inilah tanggungjawab kita. Laungan takbir 'Allahu Akbara' sahaja tidak memadai jika diri tidak diperlengkapkan dengan ilmu dan kelengkapan untuk berjuang," katanya.

Beliau berkata rakyat mesti mempertahankan kemerdekaan dengan apa jua cara jika mereka mempunyai perasaan kasih dan sayang tanah air sendiri.

"Malaysia adalah negara kita bersama. Kita bertanggungjawab mempertahankannya. Kitalah yang akan merasai nikmat daripada pengekalan kebebasan negara tercinta ini," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MFJ MAI